

NO. SOALAN : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memperkasakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Institusi Pondok sebagai usaha memperkukuhkan lagi pendidikan agama kepada rakyat.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk institusi pengajian pondok yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen

Kawalan Sekolah-Sekolah Agama negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Bagi memperkasa Sekolah Agama Rakyat (SAR), Kerajaan telah menyediakan **peruntukan kewangan** melalui bajet tahunan secara khusus sejak tahun 2011 sehingga sekarang. Bagi tahun 2014, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta bertujuan untuk pembangunan (SAR di seluruh negara meliputi penyelenggaraan fasiliti sekolah, kemudahan pembelajaran dan latihan guru.

Dari aspek **kurikulum**, bermula tahun 2016 Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia akan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bermula di Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Negeri (SMAN) bagi sekolah yang berminat. Dalam aspek **kokurikulum** pula, pihak Kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah menganjurkan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Agama Malaysia (KESSUMA) dan Ihtifal Ilmi Sekolah-Sekolah Agama Peringkat Kebangsaan melibatkan semua negeri pada setiap tahun.

Manakala bagi memperkasa institusi pondok, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi tahun 2015 secara *one-off* bagi tujuan menyelenggara fasiliti pendidikan dalam aspek keselamatan dan persekitaran pembelajarannya.

Secara keseluruhannya, Kerajaan turut menggalakkan Sekolah Agama Rakyat dan institusi pondok supaya berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Di samping itu, Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) percuma disediakan untuk murid Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar dengan JAIN/MAIN dan Institusi Pondok yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN : 38

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah Kementerian maklum bahawa pengguna-pengguna yang terpaksa menggunakan terminal KKIA 2 sedang menghadapi perkhidmatan, keadaan dan suasana yang amat teruk sekali, dan
- (b) apakah yang menyebabkan Kementerian dan MAB tidak dapat memindahkan Syarikat Penerbangan AirAsia ke KKIA1.

JAWAPAN

- a) Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan masalah kesesakan para pengguna di Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA).

Oleh itu, Kementerian Pengangkutan telah memutuskan supaya operasi AirAsia perlu berpindah ke Terminal 1 KKIA mulai 1 Disember 2015.

- b) Bagi isu perpindahan AirAsia ke Terminal 1 KKIA pula, Kementerian Pengangkutan sebelum ini telah menetapkan supaya AirAsia berpindah ke Terminal 1 berkuatkuasa pada 1 Ogos 2015. Walaubagaimanapun, AirAsia telah menangguhkan perpindahan ini dan meminta pihak Kementerian memastikan supaya beberapa isu yang berkaitan perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Sehubungan dengan itu, beberapa siri mesyuarat telah diadakan di antara Kementerian Pengangkutan, Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia Airports Holdings Berhad dan AirAsia berhubung perpindahan tersebut.

Pihak MAHB juga telahpun bersedia dari segi operasi, pentadbiran, kemudahan dan peralatan untuk tujuan perpindahan syarikat penerbangan AirAsia ke Terminal 1 KKIA.

Susulan itu, Kementerian Pengangkutan telah memutuskan supaya operasi AirAsia perlu berpindah ke Terminal 1, KKIA mulai 1 Disember 2015.